

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK  
[ SIMPANG RENGAM ]  
TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

**SOALAN**

minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah inisiatif "*Single Window Single Offer*" yang dilancarkan pada tahun ini berjaya mencapai objektif mengelak pertindihan tawaran kemasukan ke Matrikulasi, Asasi serta Institut Pendidikan Guru dan adakah dasar ini akan diteruskan mengambil kira Kementerian telah di pecah dua.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mulai sesi akademik 2020/2021, permohonan pelajar lepasan SPM untuk melanjutkan pengajian ke Universiti Awam, Kolej Matrikulasi, Institut Pendidikan Guru, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) diselaraskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui satu portal tunggal *UPUOnline*.

Pelajar hanya akan membuat satu permohonan untuk melanjutkan pengajian ke program asasi, matrikulasi, diploma, sarjana muda dan sijil. Ini memberikan peluang kepada lebih ramai pelajar untuk mendapat tempat dalam melanjutkan pengajian di samping memaksimumkan penempatan pelajar ke dalam program pengajian pilihan mereka.

"*Single Window Single Offer*" yang dilaksanakan pada sesi akademik 2020/2021 telah berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk mengelak pertindihan tawaran kemasukan ke IPTA, Matrikulasi, Institut Pendidikan Guru dan ILKA. Dasar ini boleh diteruskan untuk meningkatkan akses ke pendidikan tinggi selaras dengan prinsip pendidikan adalah untuk semua.